



# Kacip Fatimah dan Pengamal Perubatan Tradisional

Pokok kacip fatimah terkenal dalam dunia perubatan tradisional masyarakat Melayu sejak berkurun-kurun yang lalu. Pengamal perubatan tradisional Melayu dijadikan sumber rujukan utama bagi masyarakat Melayu yang mengamalkan pemakanan ubat ini. Lazimnya, pengamal perubatan tradisional ialah orang yang mempunyai ilmu dalam rawatan penyakit berdasarkan cara atau kaedah yang tersendiri.

Golongan pengamal perubatan tradisional Melayu merupakan pakar dalam bidang rawatan penyakit dan memperoleh ilmu perubatan daripada pelbagai sumber. Lazimnya, pengamal perubatan tradisional Melayu menjadi pakar rujuk yang dihormati oleh penduduk kampung atau penduduk setempat.

Pengamal perubatan tradisional memperoleh ilmu tentang pokok kacip fatimah menerusi orang asli atau bidan di perkampungan orang asli. Selain itu, ada juga yang mempelajari ilmu ini daripada pengamal perubatan tradisional, iaitu bidan kampung yang

memperoleh ilmu menerusi pengalaman dan pengetahuan yang diwarisi secara turun-temurun. Ada juga dalam kalangan mereka yang menyatakan bahawa ilmu yang diperoleh adalah melalui mimpi, ilham dan gerak hati.

Pada suatu masa dahulu, sebelum kajian perubatan dilakukan dan jumlah institusi perubatan sedikit dan sukar dikunjungi, golongan pengamal perubatan tradisional Melayu dipandang tinggi oleh masyarakat. Mereka dijadikan tumpuan dan pakar rujuk. Pada masa itu, masyarakat lebih percaya dengan ubat yang dihasilkan daripada tumbuhan. Hal

ini dikatakan demikian kerana ubat ini terdiri daripada bahan semula jadi dan diyakini tidak memberikan kesan yang memudaratkan.

Tugas bidan kampung sama seperti tugas yang dilakukan oleh jururawat. Antaranya termasuklah menyambut kelahiran bayi, menasihati ibu hamil sebelum dan selepas bersalin, menasihati wanita muda dalam penjagaan kesihatan dan mengatasi masalah sakit puan yang dialami oleh wanita.

Biasanya, bidan mencadangkan penggunaan kacip fatimah kepada pelanggan wanita ketika khidmat urutan



dapat mengandungi tanaman kacip fatimah yang dikenali sebagai pokok kacip fatimah. Secara tradisional, ia merupakan tanaman yang sering digunakan dalam pengobatan tradisional Melayu.

Kebanyakan urutan dilakukan sebelum dan selepas bersalin serta ketika sakit, lenguh atau lemah sendi badan.

Bagi pengamal perubatan yang merupakan pengusaha restoran herba pula, mereka mempromosikan produk jus minuman kacip fatimah dengan campuran lain, seperti manjakani atau serapat dan hempedu bumi yang kaya dengan khasiat.

Pengusaha restoran herba juga mengambil langkah proaktif untuk mempromosikan pokok kacip fatimah. Selain menjual jus minuman produk kacip fatimah, pengusaha turut menjual

pokok dan produk kacip fatimah dalam bentuk kapsul dan majun.

Sesetengah pengamal perubatan tradisional memasarkan produk kacip fatimah di pasar tani, pasar malam dan tepi kaki lima kedai di bandar. Mereka memilih untuk memasarkannya sendiri berbanding dengan menggunakan orang tengah demi menjaga kualiti produk kacip fatimah yang dihasilkan.

Menurut mereka lagi, produk yang dijual melalui orang tengah berkemungkinan besar dicampuri dengan daun kering yang lain. Hal ini dapat menjadikan kesihatan dan memudaratkan pengguna. Secara tidak langsung, mata pencarian mereka terjejas disebabkan oleh produk yang tercemar.

Pengamal perubatan tradisional Melayu mencari pokok kacip fatimah di hutan. Ada juga yang mendapatkan bekalan tumbuhan ini dengan bantuan orang asli dan penduduk yang tinggal berdekatan dengan hutan. Pengamal perubatan tradisional memilih untuk tidak menanam sendiri pokok ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pokok yang dikenali sebagai pokok manja ini mudah mati, jika terdedah pada cahaya matahari.



Produk kacip fatimah.

**Perkhidmatan pengumpulan pokok kacip fatimah daripada golongan profesional dan orang asli yang mahir dan mengetahui selok-belok hutan menyebabkan kacip fatimah makin pupus.**

Pokok kacip fatimah antara pokok yang mengambil masa paling lama untuk matang. Oleh sebab itu, berdasarkan pengamatan pengamal perubatan tradisional, pokok yang tumbuh secara semula jadi dan hidup liar di hutan mempunyai khasiat yang tinggi berbanding dengan pokok yang ditanam sendiri. Hal ini disebabkan oleh baja yang diperoleh oleh pokok tumbuhan liar menjadikannya lebih subur. Tambahan pula, baja itu mengandungi humus daripada reputan pokok lain.

Tindakan pengusaha tumbuhan ubatan dan pengilang untuk mengumpulkan pokok kacip fatimah bagi bahan keperluan mereka menyebabkan pokok ini hampir-hampir pupus. Perkhidmatan pengumpulan pokok kacip fatimah daripada golongan profesional dan orang asli yang mahir dan mengetahui selok-belok hutan menyebabkan kacip fatimah makin pupus. Jika tidak dibendung, perbuatan ini menyebabkan pokok kacip fatimah pupus secara keseluruhannya.

Khasiat kacip fatimah ini dianggap lebih bermanfaat pada wanita Melayu sahaja. Namun begitu, hasil tinjauan mendapati bahawa pengamal perubatan tradisional Melayu turut menggunakan pokok kacip fatimah bagi tujuan lain.



Air rebusan pokok kacip fatimah diminum sebelum bersalin.

Khasiat yang diterangkan oleh pengamal perubatan ini biasanya disusuli dengan penjelasan dari segi reaksi bahan ini terhadap badan. Walaupun tiada kajian saintifik yang menyokong penjelasan ini, kata mereka diyakini berdasarkan pengalaman yang dilalui.

Tinjauan yang dilakukan terhadap wanita Melayu Kelantan pada tahun 2004 menunjukkan bahawa pelbagai kepercayaan berkaitan khasiat kacip fatimah. Antaranya termasuklah memudahkan proses kelahiran, mengembalikan tenaga ketika pantang, meningkatkan nafsu seks, mengurangkan sakit ketika haid dan mengurangkan gejala setelah menopaus.

Biasanya, pokok kacip fatimah digunakan pada peringkat akhir kehamilan dan ketika pantang. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap wanita hamil pasti berharap agar proses melahirkan anak mudah dan selamat. Pengamal perubatan tradisional Melayu percaya bahawa pokok kacip fatimah dapat digunakan sebagai satu daripada cara yang dapat membantu mempercepat dan memudahkan proses

bersalin. Oleh sebab itulah, pokok ini dikenali sebagai selusuh fatimah.

Menurut ilmu perbidanan tradisional, seseorang ibu perlu minum air rebusan pokok kacip fatimah dalam tempoh antara satu hingga tiga bulan sebelum bersalin. Air ini dipercayai dapat mengurangkan sakit ketika bersalin dan mempercepat proses bersalin. Selain itu, air selusuh ini juga dapat menjadikan badan ibu hamil sentiasa bertenaga sepanjang masa bagi membantu proses bersalin.

Di samping itu, menurut pengamal perubatan yang melakukan rawatan, resipi biasanya berbeza-beza berdasarkan pengetahuan dan pengalaman turun-temurun. Sesetengah daripada mereka mencampurkan kacip fatimah dengan ramuan lain. Yang pasti, air selusuh dilengkapi bacaan doa tertentu. Walaupun dianggap bersifat panas, namun pokok kacip fatimah tidak mempunyai sifat panas yang ketara. Malah, pokok ini lebih bersifat penambah tenaga bagi ibu hamil.

Kacip fatimah dapat mengembalikan kesihatan ibu yang bersalin kepada keadaan sediakala. Kacip fatimah juga digunakan bagi mempercepat proses pengecutan rahim ibu yang kembang ketika hamil dan melahirkan bayi.

Selain itu, kacip fatimah juga dikatakan dapat melancarkan peredaran darah nifas dan mengembalikan semula ketegangan otot faraj, perut dan payudara. Kacip fatimah juga dipercayai dapat mengembalikan kecerdasan dan melangsingkan badan. Malah, kacip fatimah juga dikatakan mampu menaikkan seri muka (keayuan paras rupa) dan menghindarkan wajah daripada kelihatan lesu dan pucat selepas bersalin. Oleh sebab itu, tidak hairanlah, jika kacip fatimah terkenal dalam penjagaan kecantikan luaran dan dalaman bagi wanita selepas bersalin.

Di samping itu, pokok kacip fatimah dapat menghindarkan ibu yang baru bersalin daripada mengalami penyakit meroyan, iaitu psikosis postpartum. Meroyan ialah gangguan emosi selepas bersalin akibat perubahan hormon di dalam badan dan menyebabkan ibu mengalami kemurungan dan dapat bertindak ganas.

Ada tiga jenis sakit meroyan yang dialami selepas melahirkan anak, iaitu meroyan darah, meroyan angin dan meroyan cirit-birit. Antara risiko yang terpaksa dihadapi oleh ibu yang mengalami meroyan termasuklah badan menjadi sempat dan sakit kepala. Kemurungan yang melampaui dan serius



dapat menyebabkan ibu mencederakan dirinya sendiri.

Khasiat kacip fatimah menjadi buruan dalam kalangan wanita yang mengalami atau berhadapan dengan isu kehambaran atau kedinginan ketika melakukan hubungan seks dengan suami. Masalah ini berlaku disebabkan oleh cengkaman atau kemutan faraj tidak seketar ketika awal perkawinan.

Biasanya, kelemahan ini berlaku disebabkan oleh faktor usia dan proses selesa bersalin. Cengkaman pada otot faraj amat diperlukan bagi mencapai klimaks atau orgasma (masa kemuncak) dalam hubungan seks antara suami dengan isteri.

Jika tidak dirawat, hubungan seks hambar dan kerukunan rumah tangga goyah. Menurut sesetengah pengamal perubatan tradisional, fungsi utama ramuan kacip fatimah adalah untuk memastikan saluran faraj mempunyai cengkaman yang padu, bersesuaian dengan namanya sebagai kacip.

Sebilangan wanita mengalami masalah haid, seperti senggugut, iaitu pengeluaran darah haid yang tidak lancar yang menyebabkan kesakitan. Pengambilan produk kacip fatimah selama beberapa hari sebelum haid diperlakukan dapat mengurangkan

sakit senggugut. Hal ini dikatakan demikian kerana kacip fatimah mampu merangsang pengeluaran hormon dan melancarkan pengeluaran darah. Oleh sebab itu, pengeluaran darah haid tidak tersekat-sekat, seterusnya kesakitan senggugut dapat dikurangkan.

Antara masalah kesihatan wanita lain yang dapat dirawat dengan kacip fatimah termasuklah angin di dalam perut atau kembung perut, cirit-birit berdarah, penyakit kelamin dan buasir. Malah, kehebatan kacip fatimah juga dipercayai dapat dijadikan ubat bagi mencegah kehamilan. Jika digunakan selalu, pengguna kelihatan awet muda kerana pokok kacip fatimah dikatakan mampu mencegah penuaan.

Bagi wanita yang berusia dan menopaus, pengambilan pil kacip fatimah mampu mengurangkan sakit sendi tulang dan meningkatkan tenaga. Sakit sendi tulang atau lebih dikenali sebagai sakit urat dalam kalangan wanita merupakan gejala semula jadi yang sering dialami oleh wanita menopaus. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kesan pengurangan ketumpatan tulang atau dikenali juga sebagai osteoporosis.

Pengguna kacip fatimah terdiri daripada orang yang percaya bahawa kacip fatimah mempunyai pelbagai khasiat. Kepercayaan mereka berdasarkan kepercayaan yang diwaris sejak turun-temurun atau bukti yang ditunjukkan oleh orang yang berdekat. Pengamal dan pengguna kacip fatimah terdiri daripada beberapa golongan, iaitu wanita, lelaki, bayi dan kanak-kanak.

Hasil temu ramah terhadap beberapa pengamal perubatan tradisional dan tinjauan dalam kalangan wanita yang mengamalkan penggunaan kacip fatimah mendapati bahawa golongan yang paling banyak menggunakan produk ini terdiri daripada wanita yang berkahwin. Kebanyakan mereka berusia antara 25 – 50 tahun. Hal ini disebabkan oleh produk kacip fatimah lebih terkenal, khususnya bagi

merawat wanita sebelum dan selepas bersalin.

Pengguna kacip fatimah tidak terhad pada golongan wanita sahaja. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh penyelidik di Sarawak, produk ini turut diambil oleh lelaki bagi tujuan mengekalkan dan meningkatkan stamina. Ada juga dalam kalangan mereka berpendapat bahawa kacip fatimah mampu meningkatkan nafsu seks. Malah, kacip fatimah dipercayai dapat meningkatkan kualiti dan kuantiti sperma pada lelaki yang mengalami masalah infertiliti atau kemandulan.

Menurut kepercayaan orang asli pula, kacip fatimah digunakan sebagai rawatan luaran bagi bayi yang mengalami masalah kembung perut dan menghentikan kanak-kanak daripada menghisap susu botol. Rasa pahit daun dan akar kacip fatimah yang dilumatkan dan disapukan pada puting botol menyebabkan kanak-kanak berhenti daripada menghisap susu botol.

Pokok kacip fatimah dikatakan sesuai untuk semua peringkat, kecuali peringkat awal kehamilan, wanita yang menyusukan anak atau wanita haid. Pengamal perubatan tradisional percaya bahawa pokok kacip fatimah yang dimakan oleh ibu pada peringkat awal kehamilan dapat disalurkan kepada janin melalui urin.

Hal ini dapat memberikan kesan pada janin kerana beberapa organ penting sedang terbentuk pada peringkat awal kehamilan hingga tempoh kandungan mencapai tujuh bulan. Akibatnya, kandungan menjadi tidak kuat dan dapat gugur. Jika kandungan berjaya dikekalkan, bayi yang dilahirkan mungkin cacat.

Ada juga individu yang mengalami alahan disebabkan pengambilan makanan daripada tumbuhan berkhasiat, termasuklah herba. Oleh sebab itu, mereka tidak digalakkan mengambil produk kacip fatimah kerana dikhuatiri mengalami sakit kepala, loya dan muntah. **DK**

■ Profesor Dr. Nik Hazlina Nik Hussain, Penyelaras Unit Perkembangan Kesihatan Wanita (Pakar Obstetri & Ginekologi), Pusat Pengajian Sains Perubatan USM & Puan Iman Idiana Hassan, Pensyarah Kanan Kejururawatan, Pusat Pengajian Sains Kesihatan USM.